

**Bil. 21**

**Selasa**

**18 Ogos 2020**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

## K A N D U N G A N

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- **Peruntukan Utiliti untuk Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK)**  
- *YB. Puan Teo Nie Ching (Kulai)* (Halaman 1)
- **Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kawasan Rasah**  
- *YB. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)* (Halaman 5)

**MALAYSIA**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Selasa, 18 Ogos 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Peruntukan Utiliti Untuk Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK)**

**2.34 ptg.**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan utiliti untuk sekolah bantuan kerajaan (SBK) yang diluluskan dalam Belanjawan 2019 adalah berjumlah RM26 juta iaitu:

- (i) RM5.5 juta untuk sekolah menengah; dan
- (ii) RM21 juta untuk sekolah rendah.

Menurut surat Kementerian Kewangan kepada Bahagian Kewangan KPM yang bertarikh 9 Januari 2020, RM44.4 juta telah diperuntukkan di bawah Belanja Mengurus KPM tahun 2020 bagi menampung pemberian bantuan utiliti kepada SBK di seluruh negara termasuk sekolah agama bantuan kerajaan. Dalam ucapan Belanjawan 2020, kerajaan juga telah meningkatkan jumlah bayaran utiliti tambahan yang juga merangkumi pembedaan sebanyak RM12 juta kepada SBK tersebut.

Saya rasa hairan apabila jawapan kepada Pertanyaan Lisan saya pada 3 Ogos menyatakan bahawa bagi tahun 2020, peruntukan kepada SBK bagi membiayai bil utiliti adalah sebanyak RM32 juta. Jumlah ini jauh berbeza dengan jumlah yang disebut dalam surat MOF kepada KPM pada 9 Januari 2020. Saya minta Menteri Pendidikan menjelaskan perbezaan sebanyak RM12.4 juta ini.

Pada masa yang sama, bilangan SBK di seluruh Malaysia adalah sebanyak 1,928 buah iaitu:

- (i) 883 buah SJK(C);
- (ii) 365 buah SJK(T);
- (iii) 386 buah sekolah mubaligh;
- (iv) 180 buah sekolah menengah agama;
- (v) 41 buah sekolah rendah agama;
- (vi) 55 buah SMJK; dan
- (vii) 18 buah sekolah kebangsaan.

Akan tetapi jawapan bertarikh 3 Ogos tersebut menyatakan peruntukan kepada SBK bagi membiayai bil utiliti hanya melibatkan sebanyak 1,207 buah SBK. Saya minta Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan:

- (i) senarai SBK yang tidak terlibat;
- (ii) apakah sebab ada SBK yang tidak terlibat?;
- (iii) bil utiliti untuk sekolah yang tidak terlibat adalah dibiayai oleh siapa?; dan
- (iv) sama ada KPM berhasrat untuk memberi layanan yang sama bagi semua SBK.

Akhirnya, saya juga minta Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan peruntukan bagi SBK untuk membiayai bil utiliti pada tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018 masing-masing. Sekian, terima kasih.

**2.37 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan Muslimin bin Yahaya]:**  
*Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*  
Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat Kulai, jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pembayaran bil utiliti sekolah bantuan kerajaan (SBK) bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM44,415,600 di bawah perbelanjaan mengurus KPM.

Jumlah ini tidak termasuk sebanyak RM12 juta di bawah peruntukan khas MOF untuk menampung pembayaran bil utiliti termasuk pembedung bagi SBK dan sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) yang menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM56,415,600.

Sehingga Julai 2020, sebanyak RM32 juta telah disalurkan ke Jabatan Pendidikan Negeri. Baki sebanyak RM12.4 juta akan disalurkan secara berperingkat kepada SBK dan SABK dengan mengambil kira anggaran

keperluan dan prestasi perbelanjaan bil utiliti dan pembetulan sekolah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi bilangan sekolah bantuan kerajaan yang menerima peruntukan sebagaimana yang ditanya oleh Yang Berhormat Kulai berdasarkan data KPM. Sehingga Julai 2020, terdapat 1,928 buah SBK di seluruh negara. Manakala jumlah SBK sebanyak 1,207 buah dalam jawapan lisan bertarikh 3 Ogos 2020, jumlah tersebut tidak termasuk SABK dan SBK di Sabah serta Sarawak.

Bagi pembayaran bil utiliti sekolah bantuan kerajaan yang tidak terlibat berkaitan pertanyaan Yang Berhormat mengenai senarai SBK yang tidak terlibat, sebab dan dibiayai oleh siapa, KPM akan membuat semakan dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada SBK yang tercicir daripada menerima peruntukan pembayaran utiliti ini.

Sehingga kini, tiada SBK yang tercicir daripada menerima. Sekiranya Yang Berhormat mengetahui sekolah yang tercicir tersebut, Yang Berhormat boleh mengemukakan maklumat sekolah tersebut kepada KPM bagi membolehkan bantuan disalurkan kepada sekolah yang berkenaan. KPM sentiasa komited dalam menyediakan peruntukan yang mencukupi kepada semua SBK di bawah KPM.

Pada tahun 2017, KPM telah melaksanakan analisis berkaitan penggunaan utiliti bagi melihat trend penggunaan serta mengenal pasti punca yang menyebabkan penggunaan utiliti yang tinggi di SBK yang terdiri daripada SMJK, SJK(C), SJK(T) dan sekolah mubaligh.

#### ■1440

Dapatan daripada hasil analisis tersebut menunjukkan bahawa 1,049 buah SBK iaitu 87.9 peratus menggunakan utiliti di bawah RM5,000. Manakala 21 buah SBK mempunyai purata penggunaan utiliti antara RM10,001 hingga RM15,000 sebulan.

Selebihnya iaitu lapan buah SBK sahaja yang purata penggunaan utiliti mereka mencecah RM20,001 dan ke atas setiap bulan yang terdiri daripada SMJK dan sekolah mubaligh. Oleh itu, KPM mendapati bahawa peruntukan yang diberikan dengan had maksimum sebanyak RM5,000 kepada SBK ini sebenarnya sangat memadai.

Peruntukan kewangan dan pembayaran bil utiliti SBK tahun semasa ditentukan berdasarkan purata penggunaan bil air dan elektrik sebenar tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, mulai 19 Jun 2012 prosedur pembayaran bil utiliti SBK ditetapkan seperti mana Perenggan 3.1 Surat Pekeliling

Kewangan (SPK) Bil. 6 Tahun 2012 iaitu dalam Perenggan 3.1, 3.2 SPK Bil. 12 Tahun 2010 hendaklah dibaca seperti berikut.

*“Peruntukan kewangan yang diturunkan adalah berdasarkan purata penggunaan bil air dan elektrik sebenar tahun sebelumnya. Bagi mana-mana peruntukan yang tidak habis dibelanjakan, baki boleh disimpan oleh pihak sekolah dan dimaklumkan kepada pihak JPN semasa membuat permohonan peruntukan tahun semasa. Pihak JPN hendaklah mengambil kira maklumat peruntukan yang tidak habis dibelanjakan sebagai sebahagian daripada peruntukan tahun semasa bagi tahun penurunan waran untuk pembayaran utiliti”.*

Memandangkan KPM telah membiayai peruntukan utiliti dengan had maksimum sebanyak RM5,000 kepada SBK, maka sekiranya terdapat lebihan tanggungan bil utiliti adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) untuk membiayai lebihan tersebut memandangkan SBK bukanlah hak milik kerajaan sepenuhnya. Ini kerana bangunan sekolah SBK beroperasi di tapak hak milik LPS.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan analisis KPM pada tahun 2017 juga, terdapat beberapa SBK yang mempunyai purata penggunaan utiliti sebulan yang lebih tinggi daripada biasa dalam kategori SBK masing-masing. Ini berpunca daripada beberapa faktor seperti berikut:

- (i) bilangan bilik darjah atau kelas yang melebihi piawai yang ditetapkan iaitu 36 bagi sekolah rendah dan 42 bagi sekolah menengah;
- (ii) kemudahan penyaman udara di bilik darjah dan penggunaannya yang lebih daripada biasa;
- (iii) tempoh penggunaan kipas tiga hingga lima buah di setiap kelas daripada pagi hingga petang khususnya bagi sekolah yang beroperasi dua sesi;
- (iv) kemudahan *smart board* (LCD) bagi sebahagian atau semua kelas yang diperlukan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PDP); dan
- (v) kemudahan dewan dan lain-lain yang digunakan oleh pihak luar.

Bagi penggunaan premis sekolah oleh pihak LPS di luar waktu persekolahan adalah di luar kawalan KPM memandangkan bangunan SBK merupakan hak milik LPS. Namun begitu, KPM akan sentiasa bekerjasama dengan LPS bagi membantu menyelesaikan sebarang isu yang dihadapi oleh

SBK termasuk menjalankan langkah penjimatan dilaksanakan oleh pihak sekolah dan mengelakkan pembaziran wang ke atas utiliti.

Itu sahaja jawapan daripada pihak KPM. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

### **Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kawasan Rasah**

#### **2.43 ptg.**

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada kesempatan petang ini, izinkan saya membangkitkan isu yang berkaitan dengan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) kawasan Parlimen Rasah.

KRT merupakan entiti yang penting di bawah pemantauan kementerian ini dan KRT merupakan entiti akar umbi yang berperanan dan berpengaruh di dalam komuniti kita. Walaupun peranan KRT diakui oleh semua pihak, namun peruntukan kewangan daripada kerajaan untuk KRT melaksanakan program yang telah dirancang sering kali tidak mencukupi yang menyebabkan ahli jawatankuasa terpaksa mencari dana dan sumber kewangan sendiri setiap kali menjalankan program.

Kekurangan sumber kewangan daripada kerajaan juga menjadi kekangan kepada KRT untuk menganjurkan lebih banyak program. Sila berikan maklumat untuk perkara-perkara di bawah:

- (i) sila senaraikan KRT di bawah Parlimen Rasah dan jumlah peruntukan yang telah diterima oleh setiap KRT tersebut pada 2019 dan juga peruntukan yang akan diterima sepanjang tahun 2020;
- (ii) sila berikan kaedah pelantikan ahli jawatankuasa KRT dan apakah kaedah ini dilaksanakan sepenuhnya?;
- (iii) bagaimanakah untuk menubuhkan KRT yang baharu dan apakah syarat yang perlu dipatuhi?;
- (iv) sila gariskan apakah jenis program atau aktiviti yang boleh dianjurkan oleh KRT?
- (v) apakah KRT dibenarkan untuk menjemput wakil rakyat daripada kedua-dua pihak untuk menghadiri dan merasmikan program anjurannya?; dan
- (vi) apakah perancangan daripada pihak kementerian atau agensi yang terbabit untuk pembangunan dan kemajuan KRT di kawasan Parlimen Rasah?

Sekian, terima kasih. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sanggup untuk hadir di Kamar Khas untuk menjawab soalan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2.45 ptg.**

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat Rasah ini ada enam Tuan Yang di-Pertua. Kalau satu, Timbalan lah yang jawab tetapi oleh kerana ada enam, saya kena turun dan keduanya kerana soalan ini daripada Yang Berhormat Rasah. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari kawasan Rasah. Enam soalan Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab satu-satu, ikut kepada persoalan yang dibangkitkan.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, senaraikan KRT di bawah Parlimen Rasah, jumlah peruntukan yang telah diterima setiap KRT tersebut bagi tahun 2019 dan juga bagi tahun 2020. Pertama, jumlah KRT di bawah Parlimen Rasah adalah sebanyak 80 KRT bagi lima kawasan Dewan Undangan Negeri. Saya tolong pecahkan bagi Yang Berhormat supaya mudah Yang Berhormat dapat maklumat semua. Antaranya:

- (i) bagi DUN N.20 Labu, 10 buah KRT. Saya tidak payah sebut nama ya Yang Berhormat kerana semua senarai ada. Contoh KRT Cenderawasih, Enstek, KRT Embun Timur Enstek dan akhirnya yang kesepuluh KRT Kuarters KLIA;
- (ii) bagi kawasan N.21 Bukit Kepayang, terdapat 33 buah KRT. Saya lampirkan bersama Yang Berhormat bagi senarai 33 buah KRT;
- (iii) bagi DUN N.22 Rahang, ada enam buah KRT. Daripada KRT Kampung Semarak sehinggalah yang keenam KRT Kampung Pasir;
- (iv) N.23 Mambau, terdapat 10 buah KRT. Mula daripada KRT Rasah C sehinggalah ke-10 KRT Exora, 137 Seremban 3; dan
- (v) N.24 Seremban Jaya, terdapat 21 buah KRT. Saya lampirkan dalam senarai juga.

Tuan Yang di-Pertua, perincian peruntukan bagi geran KRT Parlimen Rasah bagi tahun 2019 adalah seperti berikut; rumusan dalam lampiran saya sediakan Yang Berhormat dan mungkin kalau panjang sangat nanti, saya serahkan kepada Yang Berhormat.



Kalau saya hendak baca ini, ia akan mengambil masa yang terlalu panjang. Jadi, keseluruhan geran KRT Parlimen Rasah bagi tahun 2019, KRT pada waktu ini kita bagikan geran KRT berdasarkan kepada kategori KRT. Kita ada paling aktif, aktif, sederhana aktif dan tidak aktif.

Jadi bagi kawasan Rasah, jumlah keseluruhan 80 Parlimen Rasah, 22 paling aktif. Jumlah geran secara keseluruhan ialah RM132,000. Bermakna setahun dapat RM6,000 kali 22 ialah RM132,000. Bagi aktif ada 17, setahun RM4,000, jumlah keseluruhan RM68,000. Sederhana aktif ada 24, geran KRT RM2,000 jumlah keseluruhan ialah RM48,000 dan tidak ada, tahniah kepada Yang Berhormat, tidak ada KRT yang tidak aktif.

Ada KRT yang tidak aktif 17. Jadi, saya dapat lihat kesungguhan Yang Berhormat dan saya yakin bagi tahun 2020 ini, saya pohon kerjasama daripada Yang Berhormat untuk aktifkan segera 17 KRT ini. Kalau ia tidak aktif Yang Berhormat, ia tidak akan dapat apa-apa imbuhan geran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2019 Yang Berhormat, kalau tadi saya sebut RM6,000, RM4,000 dan RM2,000 dan kalau tidak aktif tidak ada apa-apa pemberian geran. Kita tambahkan terdapat sedikit penjimatan perbelanjaan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Kemudiannya, penjimatan perbelanjaan ini kita luluskan, diluluskan pada waktu itu, waktu JPNIN di bawah JPM sebelum JPNIN dipindahkan ke KPN.

Jadi, waktu di JPM untuk tambahan geran KRT seperti berikut; paling aktif kita tambahkan RM1,000 jadi dia dapat RM7,000. Aktif RM4,000 tambahkan RM500, dia dapat RM4,500 dan sederhana aktif RM2,000 tambah RM500, dapat RM2,500. Tidak aktif tidak ada dapat apa-apalah.

#### ■1450

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya pecahkan Yang Berhormat ikut geran KRT di DUN, lima DUN kawasan Yang Berhormat. Semua senarai ini ada saya sediakan dan saya mohon untuk tidak bacakan Yang Berhormat ya.

Perincian geran, peruntukan geran bagi KRT Parlimen Rasah bagi tahun 2020 adalah seperti berikut. Keseluruhan geran KRT Parlimen Rasah bagi tahun 2020. Pada tahun 2020 ini sempena dengan perwujudan sebuah kementerian baharu dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional duduk di bawah Kementerian Perpaduan Negara, maka dalam perjumpaan saya dengan fungsi-fungsi KRT tetapi untuk Negeri Sembilan saya belum sampai lagi.

Kita telah bersetuju untuk tambahkan lagi RM500 kerana kebiasaan bila saya sebut tadi paling aktif sebanyak RM6,000, aktif sebanyak RM4,000,

sederhana aktif sebanyak RM2,000, tidak aktif tidak ada apa-apa. Jadi kita tambahkan RM500.

Walaupun kita dengar RM500 sahaja bagi, terlalu sedikit tetapi jumlah keterlibatan peruntukan secara keseluruhan bagi 8,274 buah KRT Yang Berhormat berjumlah RM38.1 juta dengan penambahan RM500 berdasarkan kepada senarai geran-geran yang saya sebutkan tadi. Saya juga telah pecahkan.

Jadi saya bagi secara umum. Paling aktif KRT sebanyak 25, maknanya geran tahun ini RM6,500. Jumlah keseluruhan RM6,500 kali dengan 25, jumlah RM162,500. Aktif ada 13, RM4,500. Jumlah keseluruhan RM58,500. Sederhana aktif ada 22, RM2,500 geran, jumlah keseluruhan RM55,000. Maknanya 19 KRT tolak 20 yang tidak aktif, jadi jumlah keseluruhan ialah RM276,000 iaitu jumlah peruntukan geran yang diberikan bagi tahun 2020. Senarai pecahan mengikut DUN, saya ada sediakan Yang Berhormat.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua kepada soalan yang kedua. Berikan kaedah pelantikan Ahli Jawatankuasa KRT. Apakah kaedah ini dilaksanakan sepenuhnya? Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, pelantikan Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga adalah berdasarkan kepada; seksyen 7 di bawah Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 751].

Di bawah seksyen tersebut, seksyen 7(1) pelantikan Ahli Jawatankuasa KRT dalam tempoh 30 hari di kalangan pemastautin, penduduk tempatan yang ada antara 20 hingga 30 orang ahli jawatankuasa. Lima jawatankuasa utama yang dilantik di kalangan Ahli Jawatankuasa KRT adalah terdiri daripada pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, penolong setiausaha dan bendahari.

Kaedah pelantikan Ahli Jawatankuasa KRT di seluruh negara dilaksanakan secara mesyuarat terbuka termasuklah KRT di Parlimen Yang Berhormat. Mesyuarat pelantikan KRT secara terbuka adalah bermaksud:

- (i) mesyuarat yang melibatkan penduduk dalam kawasan KRT yang bertujuan untuk membuat pemilihan 20 hingga 30 ahli jawatankuasa;
- (ii) segala persiapan penyelarasan berkaitan dengan mesyuarat pelantikan secara terbuka hendaklah dilaksanakan oleh pihak komuniti setempat dengan pemantauan oleh pegawai-pegawai— saya sebut Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Yang Berhormat selepas ini sebagai JPNIN. Dengan

- pemantauan pegawai-pegawai di JPNIN di peringkat daerah;
- (iii) pegawai-pegawai JPNIN di daerah bertugas sebagai pegawai selia yang memantau urusan pelantikan Ahli Jawatankuasa KRT tersebut; dan
  - (iv) manakala bagi urusan pelantikan lima orang ahli KRT utama yang saya sebutkan pengerusi, timbalan pengerusi dan sebagainya itu adalah merujuk kepada seksyen 7(2) Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 751] yang menyatakan bahawa Pengarah hendaklah, selepas berunding dengan anggota jawatankuasa kawasan Rukun Tetangga yang tersebut melantik dari kalangan lima orang ahli jawatankuasa utama iaitu pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, penolong setiausaha dan bendahari.

Seterusnya kepada persoalan nombor tiga Tuan Yang di-Pertua, bagaimana untuk menubuhkan KRT yang baharu. Apa syarat yang perlu dipatuhi? Yang Berhormat Rasah, pertama, mengikut Pekeliling Rukun Tetangga 2012 [Akta 751], penubuhan sesebuah kawasan Rukun Tetangga adalah seperti berikut:

- (i) permohonan kepada Pegawai Perpaduan Daerah oleh komuniti setempat yang bersetuju secara konsensus untuk menubuhkan kawasan KRT baharu di kawasan komuniti mereka. Konsensus perlu Yang Berhormat;
- (ii) Pegawai Perpaduan Daerah akan menyemak dan meneliti permohonan tersebut dan memastikan kriteria permohonan dipatuhi dengan sebaiknya termasuklah penentuan persempadanan kawasan Rukun Tetangga baharu yang hendak dicadangkan supaya ia tidak sampai masuk ke kawasan sempadan Rukun Tetangga sedia ada;
- (iii) setelah permohonan lengkap, Pegawai Perpaduan Daerah akan menghantar permohonan itu ke ibu pejabat untuk kelulusan Ketua Pengarah Rukun Tetangga. Hari ini saya bawa Ketua Pengarah JPNIN saya yang juga merupakan Ketua Pengarah Rukun Tetangga;

- (iv) syarat yang perlu dipatuhi, pertama dari segi butirannya kepelbagaian penduduk; mesti melibatkan kepelbagaian kaum dan etnik. Ia tidak boleh 30 orang itu Yang Berhormat, semua orang Melayu, tidak boleh. Ia mesti ada jumlah-jumlah ikut kepada pelbagai kaum. Dulu tidak ada kuota ikut kaum dan pada tahun 2020 dengan pindaan ke atas KRT ini, kita masukkan *ratio* ataupun kuota kaum supaya mesti ikut kepada *ratio* ataupun kuota kaum yang telah ditetapkan. Dulu tidak dinyatakan secara nyata;
- (v) kategori luar bandar, pedalaman, yang tadi saya sebut kategori bandar ikut kaum etnik dan kategori luar bandar dan kawasan pedalaman juga mengikut kaum dan etnik. Anggaran bilangan penduduk rumah, butirannya kawasan bandar mesti antara 1,500 hingga 3,500 kawasan bandar. Kawasan luar bandar 800 sehingga 3,500;
- (vi) bagi anggaran bilangan rumah pula, kawasan bandar minimum 300 buah rumah Yang Berhormat, purata bagi setiap rumah kita anggarkan dalam lima oranglah tetapi 300 buah rumah. Bagi kawasan luar bandar, 150 buah rumah dan purata tujuh orang. Biasa orang kampung ini anaknya lebih ramai; dan
- (vii) keluasan kawasan. Bagi kawasan bandar, maksimum 25 hektar dan bagi kawasan luar bandar maksimum pun sama 25 hektar.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, panjang sedikit saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua kerana Yang Berhormat Rasah ini— saya tak pernah menjawab soalan Kamar Khas sewaktu saya di kementerian lama ini sampai enam soalan, ini kali pertama. Tadi Kementerian Pendidikan pun baru empat sahaja. Saya ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat Rasah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang keempat. Apa jenis program aktiviti yang boleh dianjurkan? Saya hendak menjawab kepada Yang Berhormat. Satu, program-program yang dilaksanakan oleh KRT adalah seperti berikut. Saya berikan tajuknya Yang Berhormat ya:

- (i) contoh Program Sambutan Hari Kemerdekaan. Ini dah nak dekat ini, sekarang ini patut dah mula dah. Kita dah galakkan semua KRT mulakan kempen kibarkan

bendera dan ajar masyarakat supaya tahu bagaimana cara mengibarkan bendera yang betul kerana ia menjadi tanggungjawab kepada semua warganegara Malaysia. Ia merangkumilah kempen kibarkan bendera, pertandingan kuiz dan sebagainya;

- (ii) program keselamatan komuniti iaitu skim rondaan sukarela (SRS), pendidikan keselamatan, pencegahan dadah;
- (iii) program bantu mula sekiranya berhadapan dengan bencana, dengan penubuhan Skwad Uniti yang sedia ada;
- (iv) program kebajikan komuniti penyampaian bantuan, macam contoh COVID yang lepas, turun untuk memberikan bantuan makanan dan sebagainya;
- (v) program kesedaran kesihatan komuniti seperti KOSPEN, COMBI, gotong-royong dan sebagainya termasuklah *Zumba and lion dance*. Kita tahu masyarakat Tionghoa suka dengan *exercise* yang berbentuk tarian ini;
- (vi) program peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat seperti Program Sayangi Komuniti; dan
- (vii) program pemerksaan Jiran Wanita dan Jiran Muda. Ini pun Yang Berhormat, kita akan tengok balik untuk kita perkasakan semua jiran yang ada— jiran warga emas, jiran muda, jiran wanita, jiran tunas muda dan sebagainya.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga merancang untuk melaksanakan beberapa perkara berikut yang untuk kita tingkatkan lagi impak kepada peranan KRT. Ini kita akan mulakan bagi tahun depan, *insya-Allah* ya Yang Berhormat.

#### ■1500

Mulai tahun depan Yang Berhormat, tidak ada lagi kita hendak bagi pemberian geran mengikut paling aktif, aktif, sederhana aktif dan tidak aktif— tidak ada. Tahun depan saya memperkenalkan sistem penarafan *star rating to be fair* kepada KRT. Macam mana kita nilai dia aktif atau tidak aktif, dengan banyak program dan sebagainya.

Itu sepatutnya bukan menjadi kriteria utama satunya tetapi ada kepelbagaian kriteria-kriteria ini. Maka tahun depan, kita akan

memperkenalkan sistem penarafan *star rating* bagi menilai tahap keaktifan KRT dari segi pengurusan pentadbiran, pengurusan kewangan, sistem maklumat RT, pengurusan program yang dilaksanakan oleh RT dan sebagainya.

Kedua, pengukuhan Program Sayangi Komuniti di Parlimen Rasah sebanyak tiga lokasi bagi kawasan B40 iaitu di Taman Seremban Jaya Fasa 3, Taman Seremban Jaya Fasa 7 dan Taman Seremban Jaya Fasa 10. Kementerian akan terus mengukuhkan jaringan strategik ini dengan semua agensi, badan korporat dan lain-lain.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, Program *Smart Partnership* KRT dengan kementerian berkaitan seperti:

- (i) Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah program Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN). Ada lima aktiviti untuk kawasan Parlimen Yang Berhormat. COMBI banteras denggi ada 21 aktiviti yang akan dibuat dalam kawasan Yang Berhormat;
- (ii) kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia untuk banteras aktiviti pencegahan jenayah. Sehingga kini bilangan SRS yang sedia ada di kawasan Parlimen Yang Berhormat adalah sebanyak 63 SRS. Saya harap selepas Yang Berhormat boleh bantu, ada 80 KRT supaya setiap KRT ada SRS nya. Jadi pihak jabatan akan menambah bilangan SRS ini sebanyak 10 lagi SRS ini, lengkapkan 80 untuk tingkatkan rondaan bagi kurangkan kadar jenayah di kawasan kediaman;
- (iii) Kementerian Pengajian Tinggi; kita ada Sekretariat Rukun Negara. Di Parlimen Yang Berhormat pun ada Sekretariat Rukun Negara Politeknik Nilai. Ini ialah bawah Program Penghayatan Rukun Negara. Di IPTA dan IPTS kita wujudkan Sekretariat Rukun Negara, ahlinya ialah pelajar-pelajar. Di sekolah rendah dan sekolah menengah ialah Kelab Rukun Negara iaitu anak-anak kita pelajar-pelajar yang ada;
- (iv) Kementerian Pendidikan Malaysia, ini kat sebelah saya Timbalan Menteri ada. Ini yang saya sebut KRN tadi. Di kawasan Yang Berhormat ada 12 buah sekolah menengah, 12 buah sekolah rendah, 12 KRN sekolah rendah dan 12 KRN di sekolah menengah.

Soalan yang kelima, saya tahu dia memang tunggu soalan kelima ini Tuan Yang di-Pertua. Dia tak nak dengar yang ini semua. Adakah KRT dibenarkan untuk menjemput wakil rakyat untuk kedua-dua pihak? Yang Berhormat, KRT ini ia laksanakan program berbentuk kemasyarakatan dalam untuk kita terus mengukuhkan perpaduan di kalangan komuniti. Jadi program ini sering kali dia melibatkan pemimpin-pemimpin tempatan tanpa penglibatan apa-apa agenda politik. Ini kerana fokus utama program KRT ini ialah untuk mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat setempat.

Dalam pada itu Tuan Yang di-Pertua, soalan yang terakhir. Apakah perancangan daripada pihak kementerian untuk pembangunan kemajuan KRT? Saya hendak sebutkan secara keseluruhannya semua KRT di kawasan Parlimen Rasah mempunyai tempat beroperasi tetapi hanya 15 KRT ada pusat rukun tetangga. Manakala 53 KRT masih menumpang di balai raya, di premis persendirian dan sebagainya. Sebanyak 14 KRT lagi ada mempunyai kabin untuk beroperasi.

Jadi, terdapat dua pusat Rukun Tetangga di kawasan Yang Berhormat yang memerlukan pembaikan iaitu KRT Kampung Semarak dan Kampung Seremban Jaya. Kementerian telah pun meluluskan peruntukan. Ini sebelum datang menjawab ini, kita dah luluskan dulu peruntukan sebanyak— kerana kita ikut kepada keperluan. Jadi setiap KRT akan menerima RM15,000. Untuk Kampung Semarak sebanyak RM15,000 dan untuk KRT Seremban Jaya sebanyak RM20,000 untuk baik pulih dan sebagainya.

Perancangan pembangunan kabin di Parlimen Rasah tahun 2021 melibatkan dua KRT. Kita akan bagi kabin kepada mana yang tidak ada bangunan sendiri Yang Berhormat kerana isu tanah, isu tanah Persekutuan, isu tanah negeri. Kita bagikan kabin. Kabin ini dalam nilai RM150,000 satu kabin siap dengan bilik mesyuarat dan peralatan semua. Bagi tahun 2021, kabin di Parlimen Rasah dua kabin, dua KRT iaitu KRT Taman Gadong Jaya dan KRT Taman Eka Jaya. Jadi akan dapat dua kabin baharu.

Seterusnya, saya ingin mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rasah. Walaupun dulu saya pembangkang, Yang Berhormat kerajaan dan sekarang kita kerajaan, Yang Berhormat pembangkang pula— walaupun Yang Berhormat pembangkang kah, kerajaan kah, Yang Berhormat tetap memberikan peruntukan kepada TBK-TBK dalam kawasan Yang Berhormat.

Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak kerana saya mendapat laporan antara TBK Yang Berhormat bantu ialah TBK Perpaduan Flat Cempaka, TBK Kampung Baru Rasah, TBK Semarak Jaya, TBK Thivy Jaya

dan TBK Bukit Kepayang. Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat.

Kalau sekiranya Yang Berhormat perlukan apa-apa dari segi naik taraf bangunan TBK dan sebagainya, Yang Berhormat maklumkan sahaja kepada saya kerana Yang Berhormat adalah seorang wakil rakyat yang bertanggungjawab ke atas masyarakat setempat. Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rasah dan saya harap lepas ini jangan tanya lagi fasal KRT ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri, saya harap Pengerang pun akan diberikan kasih sayang yang sama dengan Rasah ya.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Pengerang Tuan Yang di-Pertua, saya dah letak perancangan yang lebih baik daripada Rasah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Alhamdulillah.*

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Lebih baik daripada Rasah, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *#kitajagakita* ya.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Ya, ya *#kitajagakita* dan kita PM tepi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan itu tamat sesi ucapan di bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan Peraturan Mesyuarat 17 pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 24 Ogos 2020.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.06 petang]***